



Membaca

Mendidik Jiwa Cinta akan Ilmu

▣ **Ruzain Syukur Mansor**
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

Dalam pengantar buku *Spiritual Reading*, Dr. Raghib al-Sirjani dan Amir al-Madari menyebut bahawa, “Memang menghairankan bagaimana umat yang tahu perintah pertama agamanya adalah *iqra'* (membaca), tiba-tiba ditimpa kelesuan budaya ilmu. Mungkin al-Quran dibaca atas tujuan ritual *ta'abbudiy* semata-mata tanpa kesedaran *tadabbur*, iaitu merenung mesejnya dengan jelas.”

Kenyataan tersebut memberikan makna bahawa betapa pentingnya budaya membaca, bukan setakat berfungsi sebagai amalan ritual semata-mata, tetapi sebagai medium memperoleh ilmu melalui *tadabbur* pada mesejnya. Malah, membaca itu suatu ibadat dan simbolik kepada kehambaan. Allah memerintahkan manusia untuk membaca, dan kita diseru untuk membaca dengan nama-Nya. Kita membaca untuk mendapatkan ilmu dan mencari kebenaran. Membaca membantu kita berfikir dengan lebih tenang, mendalam dan proaktif. Malah dengan membaca, dapat pula mengangkat martabat manusia ke martabat yang tinggi.

Maka, apakah lagi yang boleh kita jadikan sebagai alasan untuk tidak membaca? Jangan jadi seperti kata Sasterawan Negara (SN) Datuk Seri A. Samad Said, “Terlalu banyak kitab atau buku warisan yang terbiar begitu sahaja... Terlalu ramai yang hanya menyebut-nyebut nama buku-buku penting, tetapi tidak membacanya. Jangan dibiarkan hanya apakala orang luar menemui khasiat buku-buku itu sebagai baik dan berguna terlebih dahulu barulah kita cuba mencari-cari buku atau kitab itu.”

Rasulullah SAW sendiri menunjukkan peri pentingnya amalan membaca sehingga mampu membina sebuah

peradaban yang ulung. Pascaperang Badar misalnya, ketika 70 orang Quraisy menjadi tawanan, sebahagian tawanan perang tersebut dibebaskan dengan syarat mereka perlu mengajarkan membaca dan menulis kepada sepuluh orang Muslimin. Rasulullah SAW yakin bahawa membaca merupakan perkara asas terhadap kejayaan pembinaan tamadun.

Peradaban Islam silam pernah mekar maju ditunjangi budaya keilmuannya. Hal ini diakui oleh sarjana Barat, Jonathon Lyons dalam bukunya, *The House of Wisdom-How The Arabs Transformed Western Civilization*. Lyon memaparkan kegiatan keintelektualan yang berpaksikan *Bait al-Hikmah (House of Wisdom)*, institusi keilmuan yang dibangunkan pada zaman Abbasiyah. *Bait al-Hikmah* merupakan projek mega berteraskan cita-cita dan komitmen kelimuan pemerintah Islam pada era tersebut. Hal ini ditunjangi oleh akademi keintelektualan yang sangat produktif dari segi penterjemahan, pengkaryaan dan pelbagai kegiatan keilmuan yang lain. Justeru, jika semangat *iqra'* dapat dibugarkan, maka kegemilangan tradisi keilmuan Islam akan kembali disemarakkan.

#MalaysiaMembaca

Membaca merupakan kunci pengetahuan dan kelengkapan penting untuk meneroka kejayaan. Kata Buya Hamka, "Membaca buku-buku yang baik bererti memberikan makanan rohani yang baik." Malah, tentang

pengetahuan, SN Muhammad Haji Salleh mengungkapkan bahawa, "Pengetahuan itu hadiah hidup, yang menolong hidup esoknya."

Dalam laporan kajian interim tabiat membaca rakyat Malaysia pada tahun 2014, jumlah buku yang dibaca setahun berjumlah 15 hingga 20 buah. Kadar literasi rakyat Malaysia pula secara umumnya sudah menjangkau 94.64 peratus berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *Adult and Youth Literacy: National Regional and Global Trends 1985-2015* yang diterbitkan oleh Institut Statistik UNESCO (UIS). Kadar tersebut memerlukan usaha tambahan bagi memastikan rakyat Malaysia mempunyai tahap literasi yang tinggi melalui usaha membangunkan komuniti yang mengamalkan budaya membaca yang lebih tinggi.

Saranan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pula menyatakan bahawa sesebuah negara maju mesti menerbitkan sekurang-kurangnya 0.1 peratus berbanding dengan jumlah rakyat negara tersebut. Kerajaan pernah menyasarkan penerbitan buku tanah air dengan 31 700 judul setahun pada tahun 2020 berbanding dengan 19 713 pada tahun 2019 seiring jumlah rakyat Malaysia sekitar 31.7 juta bagi menyahut saranan UNESCO.

Apatah lagi pascapengiktirafan UNESCO terhadap Malaysia sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada tahun 2020 yang selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai

negara membaca pada tahun 2030 melalui inisiatif Dekad Membaca Kebangsaan. Yang nyata, pengiktirafan ini memerlukan kesinambungan dan strategi yang konsisten bagi mengekalkan momentum sebagai kota yang pernah dinobatkan sebagai Ibu Kota Buku Dunia.

Kita sebenarnya berpijak di bumi yang nyata dengan melihat kembali Dasar Galakan Membaca dan Dasar Buku Negara (DBN) sebagai asas kepada amalan membaca rakyat Malaysia. Asas yang telah dipasak berteraskan fungsi Perpustakaan Negara Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam Akta Perpustakaan Negara tahun 1987 itu sepatutnya terus menjadi teras memperkasakan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Dasar Galakan Membaca diperkenalkan untuk menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat suka membaca. Hal ini turut dibaca sebagai berperanan menggalakkan minat membaca dalam kalangan warga Malaysia. Tambahan lagi, dasar ini menyokong matlamat DBN bagi memastikan rakyat Malaysia mempunyai minat membaca yang tinggi dan menggunakan bahan bacaan yang berkualiti. Dasar Galakan Membaca merangkumi semua aktiviti perpustakaan yang berhubung kait dengan pembacaan dalam usaha memupuk minat membaca rakyat Malaysia. Antara inisiatif dan program di bawah dasar ini termasuklah penyelarasan gerakan membaca di perpustakaan awam, pelaksanaan kempen

membaca, pembelian bahan bacaan, memantapkan koleksi perpustakaan, dan menjalinkan persepakatan pintar antara agensi dalam melaksanakan aktiviti membaca. Keberkesanan program galakan membaca tahunan dan setiap lima tahun akan dikaji melalui kajian profil rakyat membaca serta laporan pelaksanaan kempen membaca.

DBN dibangkitkan dalam sidang Parlimen pada bulan November 1981 dan dibangkitkan semula buat kali keduanya pada bulan Mac 1984. Dasar ini dilaksanakan seiring dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Komunikasi Negara. Matlamat DBN adalah untuk memastikan agar buku dalam bahasa Melayu dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai alat pembangunan fikiran, sosial dan kebudayaan, sesuai dengan keperluan dan cita-cita negara. Selain itu, DBN digubal supaya

buku dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat. DBN juga bermatlamat agar rakyat negara ini mempunyai minat membaca yang tinggi, serta dikenali sebagai masyarakat membaca. Matlamat akhir DBN adalah untuk memastikan supaya buku yang diterbitkan di negara ini berkualiti tinggi.

Hubung kait antara kedua-dua dasar ini pastilah tertumpu kepada usaha meningkatkan kadar literasi membaca, di samping industri perbukuan dapat menghasilkan bahan bacaan berkualiti untuk rakyat Malaysia. Tabiat gemar membaca akan mempengaruhi corak penghasilan karya serta pembudayaan ilmu sesebuah masyarakat. Akhirnya, masyarakat membaca akan menyumbang pelbagai kepakaran untuk memajukan negara dalam pelbagai aspek. Tenaga penulis, penterjemah, penyunting, dan pengeluar buku akan bergabung untuk membentuk budaya

membaca yang diterjemahkan melalui penghasilan buku dan program pengayaan membaca dalam masyarakat.

Membaca demi ilmu

Imam Syafii pernah menukilkan bahawa, “Sesiapa yang inginkan dunia, hendaklah dia berilmu. Sesiapa yang inginkan akhirat, hendaklah juga dengan ilmu.”

Tentang ilmu, SN Arenawati pernah menukilkan bahawa, “Ilmu kian banyak, makin luas, makin tinggi. Tetapi ada dua pertanyaan; Adakah benar, dan berapakah dalamnya? Kerana sebelum kita berbicara tentang “tahu” menggunakan ilmu, lebih dulu kita perlu uji benar atau salah, dan ukur berapakah dalamnya ilmu yang kita tahu terlebih dahulu.”

Satu daripada kaedah untuk memperoleh ilmu adalah dengan membaca. Acap kali kita mendengar ungkapan “Membaca Itu Jambatan Ilmu.” Hal ini ibarat penghubung masa dan tempat, sekali gus membolehkan kita mendampingi, memahami dan menghayati ilmu, serta menghidupkan tradisi para ilmuwan silam. Mereka yang membaca akan mendapat pandangan yang lebih luas tentang kehidupan. Malah, membaca memupuk gaya pemikiran kritis dan analitis.

Minat membaca demi ilmu perlu dipupuk sejak kecil lagi. Malah, amalan tersebut harus bermula seawal bayi berada di dalam kandungan ibunya. Ibu mengandung digalakkan untuk menjadikan amalan membaca buku sebagai tabiat ketika hamil. Dalam Islam, seseorang ibu



Mengunjungi pesta buku juga dapat memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat.

Imam Syafii pernah menukilkan,
“Sesiapa yang inginkan dunia, hendaklah
dia berilmu. Sesiapa yang inginkan
akhirat, hendaklah juga dengan ilmu”.



mengandung amat digalakkan untuk membaca surah-surah pilihan daripada al-Quran. Hal ini tidak lain dan tidak bukan untuk merangsang pertumbuhan minda anak di dalam kandungan. Secara simboliknya, budaya membaca itu sudah diterapkan sejak kanak-kanak itu belum pun lagi melihat dunia.

Selain itu, pembudayaan amalan membaca ini juga harus dimulakan oleh ibu bapa di rumah. Amalan memberikan hadiah patung dan permainan kepada anak-anak harus ditukar dengan pemberian buku. Malah, kedai buku sepatutnya menjadi tumpuan utama berbanding dengan kedai permainan kanak-kanak apabila keluar membeli-belah. Ziarah ke pesta buku seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang sedang berlangsung pula akan menambahkan keseronokan anak-anak memilih bahan bacaan yang berkualiti berdasarkan minat mereka. Usaha ini termasuklah kembara ke kota-kota buku dan perpustakaan terkenal di dunia yang akan menambahkan koleksi pengalaman membaca dan

meneroka khazanah ilmu yang tidak terbatas.

Selain itu, aktiviti yang menyokong gagasan menjadikan Malaysia sebuah negara membaca perlu dipergiatkan. Antaranya termasuklah melalui;

1. Aktiviti membaca kebangsaan melibatkan kempen membaca di sekolah, rumah, program membaca kepada pelbagai golongan termasuk golongan kelainan upaya, gelandangan, warga emas dan lain-lain.
2. Pembangunan prasarana bagi menyokong aktiviti membaca seperti pasar buku, lorong buku, muzium bahasa, dan akademi buku.
3. Pesta buku secara bersemuka dan dalam talian.
4. Pembangunan pembacaan sektor awam dan swasta.
5. Pembangunan bakat penulisan remaja dan kanak-kanak melalui kem membaca dan penulisan, seperti program Kem Dai Pena Muda

yang dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia atau Minggu Penulis Remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

6. Capaian buku digital melalui pelbagai platform.

Ringkasnya, kita adalah manifestasi gaya dan apa-apa yang menjadi bahan bacaan kita. Jauh daripada itu, bacaan akan membentuk tabiat. Tabiat hidup akan membentuk sikap manusia. Pepatah Inggeris ada menyebut: “Semai pemikiran, terhasil tabiat, terhasil sikap; semai sikap, terhasil matlamat.” Malah, SN Datuk Seri A. Samad Said pernah mengungkapkan bahawa, “Manusia intelektual ini bukanlah sekadar mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan, tetapi juga mereka yang mempunyai kebolehan dan kesediaan untuk mengesan, menganalisa dan menemukan jawapan bagi kemajuan dan maruah bangsa.” Semoga tabiat membaca itu akan membangunkan daya fikir ilmu untuk mencorak masa hadapan agama dan negara. 📖